

## LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans Kemalangan Diri Berkumpulan

**NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Kemalangan Diri Berkumpulan. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.**

**1. Apakah produk insurans ini?**

Produk ini melindungi Orang Yang Diinsuranskan terhadap kecederaan tubuh badan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh kemalangan yang tidak disengajakan, keganasan, luaran dan nyata.

**2. Apakah perlindungan / faedah yang diberikan?**

Produk ini melindungi:

<b>Faedah A</b>	Kematian Akibat Kemalangan	}	Hanya digunakan kepada Orang Yang Diinsuranskan yang bekerja (Pilihan)
<b>Faedah B</b>	Hilang Upaya Kekal		
<b>Faedah C1</b>	Hilang Upaya Menyeluruh Sementara		
<b>Faedah C2</b>	Hilang Upaya Separa Sementara		
<b>Faedah D</b>	Perbelanjaan Perubatan – (Pilihan)		

Faedah lain mungkin berbeza-beza mengikut keperluan Pihak Diinsuranskan. Tempoh perlindungan ialah 1 tahun.

Perlindungan 24 jam. Had Wilayah adalah di seluruh dunia.

Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans anda setiap tahun.

Nota: Sila merujuk kepada Jadual Faedah (Keterangan Faedah) untuk kematian dan hilang upaya di dalam contoh kontrak polisi.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

**3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?**

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza mengikut faedah, jumlah yang diinsuranskan yang dikehendaki dan keperluan pengunderaitan.

	Jumlah Yang Diinsuranskan (RM)	Premium (RM)
Kematian Akibat Kemalangan/Hilang Upaya Kekal:	_____	_____
Hilang Upaya Menyeluruh Sementara:	_____	_____
Hilang Upaya Separa Sementara:	_____	_____
Perbelanjaan Perubatan:	_____	_____
Faedah Lain :	_____	_____
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah		_____

**4. Apakah jenis yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?**

Yuran dan caj-caj yang anda perlu bayar ialah:

Jenis	Amaun
<b>Cukai Perkhidmatan</b>	Tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia
<b>Duti Setem</b>	RM10.00
<b>Komisen ejen atau jika terdapat pengantara yang terlibat</b>	25% daripada premium

**5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?**

- (i) Kepentingan membuat Pendedahan – MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadikan kewajipan pengguna untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
- (ii) Syarikat adalah berhak untuk memeriksa Orang Yang Diinsuranskan semasa tuntutan dibuat dan sekiranya berlaku kematian, untuk melakukan autopsi di mana ia tidak dilarang di sisi undang-undang.
- (iii) Apabila berlaku sebarang kemalangan yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah polisi ini, anda mestilah memaklumkan kepada Syarikat berserta dengan butiran penuh mengenai kemalangan/kecederaan dalam tempoh 14 hari selepas kemalangan.

**Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)**  
**Dahulu Dikenali Sebagai AmGeneral Insurance Berhad**

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3 Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.  
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur.

**Tel: +603 2268 3333 Laman Sesawang: [www.kurnia.com](http://www.kurnia.com)**

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

- (iv) Pihak Diinsuranskan yang berumur 16 tahun dan ke atas tetapi di bawah umur 18 tahun mesti mendapatkan kebenaran ibu bapa/penjaga sebelum membeli Polisi insurans ini.
- (v) Jaminan Premium - Jumlah premium perlu dibayar dan diterima oleh penginsurans dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh bermulanya polisi ini/endorsemen/sijil pembaharuan. Kegagalan membayar premium tersebut pada tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan pembatalan kontrak serta-merta dan Liberty General berhak ke atas jumlah pro-rata premium pada tempoh anda dalam risiko.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk contoh kontrak polisi untuk terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.

**6. Apakah pengecualian utama di dalam polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kehilangan upaya yang disebabkan oleh atau akibat daripada:

- Bunuh diri (sama ada feloni atau tidak) atau sebarang cubaan bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan, penyakit kelamin atau tidak siuman, kesan atau pengaruh (sementara atau sebaliknya) alkohol atau ubat yang tidak dipreskripsikan oleh pengamal perubatan, melakukan atau cuba untuk melakukan sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang;
- Orang Yang Diinsuranskan membuat penerbangan atau perjalanan dalam pesawat selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang dengan syarikat penerbangan berlesen mengikut laluan domestik atau antarabangsa yang dijadualkan;
- Orang Yang Diinsuranskan mengambil bahagian dalam luncur air, aktiviti di bawah permukaan air yang melibatkan penggunaan peralatan pernafasan (kecuali menyelam skuba), mendaki gunung yang melibatkan penggunaan tali atau jurupandu, payung terjun, peluncuran gantung, terjun udara, sukan atau permainan profesional, seni mempertahankan diri, menunggang kuda, gusti, tinju, sebarang bentuk perlumbaan selain daripada menggunakan kaki;
- Semua kecacatan atau keadaan fizikal sedia ada, sebarang jenis sawan, sebarang bentuk penyakit, sakit, virus, jangkitan atau parasit;
- Risiko peperangan;
- Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau penyakit Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) walau bagaimana sekalipun sindrom ini diperolehi atau mungkin dinamakan;
- Keganasan.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk contoh kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

**7. Bolehkah saya batalkan polisi ini dan apakah caranya untuk membatalkan?**

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan 7 hari notis bertulis kepada kami. Sebaik pembatalan, anda akan menerima pulangan bayaran premium berdasarkan kadar tempoh pendek\* di mana tempoh polisi yang telah berkuatkuasa. Sebarang nilai premium minimum yang dibayar di bawah polisi ini tidak akan dipulangkan.

**\*Jadual Kadar Tempoh Pendek**

Tempoh tidak melebihi	Premium Tahunan Yang Dikembalikan
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada pulangan bayaran

**8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran perhubungan saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya

**9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada risalah *insuranceinfo* mengenai 'Insurans Kemalangan Diri', yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah salinan daripada ejen insurans atau layari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Liberty General Insurance Berhad**

Liberty Insurance Tower,  
 CT9, Pavilion Damansara Heights,  
 3, Jalan Damanlela  
 Pusat Bandar Damansara,  
 50490 Kuala Lumpur  
 Talian Bebas : 1 800 88 3833  
 E-mel : [customer@kurnia.com](mailto:customer@kurnia.com)  
 Laman Web : [www.kurnia.com](http://www.kurnia.com)

**10. Lain-lain jenis Perlindungan Insurance Serupa yang Ada**

Sila rujuk kepada laman web kami di [www.kurnia.com](http://www.kurnia.com).

**NOTA PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN KEPADA SKALA FAEDAH UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam lampiran pemberitahuan ini diterbitkan pada 01/03/2024 dan adalah sah sehingga semakan berkala yang berikutnya.